

**PELAKSANAAN WAKAF KESIHATAN OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN)
IMPLEMENTATION OF HEALTHCARE WAQF BY THE STATE ISLAMIC RELIGIOUS
COUNCIL (MAIN)**Norizah Mohamed @ Haji Daud^{1*}, Noorfazreen Mohd Aris²¹ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka, Malaysia, norizahdaud@uitm.edu.my² Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka, Malaysia, noor_areen@uitm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021

Selepas Pembetulan: 07 November 2021

Diterima untuk terbit: 27 November 2021

Abstrak

Kesihatan merupakan faktor penting dalam membangunkan masyarakat dalam sesebuah negara. Sistem kesihatan awam di Malaysia kini berdepan dengan isu-isu berkaitan dengan penjagaan kesihatan yang semakin mencabar seperti yang dialami oleh negara-negara lain dunia. Namun, antara isu utama yang dihadapi oleh sektor kesihatan di Malaysia adalah peningkatan kos penjagaan sistem kesihatan awam. Kajian ini membincangkan tentang penggunaan dana wakaf yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam penjagaan kesihatan. Institusi wakaf perlu ditransformasikan untuk kekal relevan pada masa kini. Ini kerana wakaf memberikan sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi ummah dengan mengurangkan kebergantungan sistem kesihatan awam terhadap bantuan kerajaan. Sekaligus mengurangkan beban rakyat yang tidak mampu menampung beban kos penjagaan kesihatan yang meningkat lebih-lebih lagi ketika negara berada dalam pandemik COVID-19. Data dikumpulkan dari pelbagai sumber rujukan berkaitan dengan wakaf dan kesihatan serta berdasarkan maklumat berkaitan wakaf kesihatan yang terdapat dalam laman web (*website*) Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Analisis kajian yang digunakan adalah menggunakan analisis kandungan. Dapatan kajian ini adalah wakaf kesihatan memberikan sumbangan yang signifikan kepada negara. Terdapat pelbagai sumbangan yang telah dijalankan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam pembangunan sosioekonomi ummah yang berkonsepkan wakaf kesihatan seperti kemudahan hemodialisis, mesin dan peralatan perubatan, ubat-ubatan, klinik wakaf, perkhidmatan rawatan kesihatan serta wakaf peralatan rawatan COVID-19. Untuk memastikan kemampuan dan kelestarian penjagaan kesihatan negara untuk jangka masa panjang, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan pembiayaan penjagaan kesihatan awam di Malaysia dengan menggunakan dana wakaf.

Kata kunci

Penjagaan kesihatan, wakaf kesihatan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

Abstract

Health is an important factor in developing society in a country. The public health system in Malaysia is currently facing increasingly challenging healthcare related issues as experienced by other countries in the world. However, one of the main issues faced by the health sector in Malaysia is the rising cost of care for the public health system. This paper discusses the use of waqf funds conducted by the State Islamic Religious Council (MAIN) in healthcare. Waqf institutions need to be transformed to remain relevant today. This is because waqf contributes to the socioeconomic development of the ummah by reducing the public health system's dependence on government assistance. At the same time, it reduces the burden of the people who cannot afford the rising healthcare costs, especially when the country is in the COVID-19 pandemic. Data was collected from various reference sources related to waqf and health as well as based on information related to health waqf available on the website of the State Islamic Religious Council (MAIN). The analysis of the study was done using content analysis. The findings of this study are that healthcare waqf makes a significant contribution to the country. There are various contributions that have been carried out by the State Islamic Religious Council (MAIN) in the socioeconomic development of the ummah with the concept of health waqf such as hemodialysis facilities, medical machines and equipment, medicines, waqf clinics, health care services and waqf of

COVID-19's health equipment. To ensure the long term sustainability of the nation's health care, there is still room for improvement in public health care financing in Malaysia by using waqf funds.

Keywords

Healthcare, healthcare waqf, State Islamic Religious Council (MAIN)

1.0 Pendahuluan

Kesihatan merupakan faktor penting dalam membangunkan masyarakat dalam sesebuah negara. Pertubuhan Kesihatan Sedunia mendefinisikan kesihatan sebagai seseorang individu yang mencapai tahap kesejahteraan fizikal dan mental yang tinggi, bukan hanya sekadar bebas daripada penyakit atau lemah anggota badan. Matlamat Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meningkatkan kesihatan populasi adalah selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDGs) dan *Universal Health Coverage* (UHC). Kesihatan dilihat sebagai suatu masalah sosial yang serius bagi sesebuah negara dalam era globalisasi ini. Ia boleh mempengaruhi seseorang individu atau masyarakat dalam sesebuah negara. Selari dengan peredaran masa, masalah kesihatan bukan hanya terhad kepada golongan berumur malah semakin serius bagi setiap lapisan masyarakat di Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan 3 (SDGs 3) pada tahun 2030 adalah adalah menjamin kehidupan yang sihat dan meningkatkan kesejahteraan pada semua peringkat umur (UN, 2021).

1.1 Pembiayaan Kesihatan

Perkhidmatan kesihatan di Malaysia bermula pada abad ke 19 dengan tujuan untuk memberikan rawatan kepada pekerja dalam industri perlombongan bijih timah dengan kadar rawatan yang dikenakan sebanyak 50 sen seorang untuk tempoh setahun. Hospital pertama yang dibina adalah pada tahun 1880 iaitu Hospital Taiping. Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti empat hasil utama dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) iaitu 1. Penjagaan kesihatan yang lestari, adil dan berpatutan; 2. Mengurangkan kematian dan mencegah morbiditi; 3. penjagaan berpusat; 4. Meningkatkan gaya hidup sihat (Ministry of Health Malaysia, 2020). Perbelanjaan kerajaan dalam sektor kesihatan sangat penting kerana ia memberikan kesan kepada tahap kesihatan masyarakat di Malaysia (Riyati Ahmad & Junaidah Hasan, 2016)

Negara menghadapi cabaran dalam memastikan kelestarian pembiayaan sistem kesihatan. Perbelanjaan kesihatan secara keseluruhan di Malaysia adalah 4.24% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2017 dengan 2.2% adalah daripada perbelanjaan kerajaan (Ministry of Health Malaysia, 2020). Pelbagai faktor menjadi penyebab kepada peningkatan perbelanjaan kesihatan yang semakin meningkat seperti penambahan populasi penduduk, trend peningkatan penyakit tidak berjangkit (*non-communicable disease*), teknologi perubatan dan sebagainya (Mazlan, 2019). Malaysia mempunyai dua sistem penjagaan kesihatan iaitu sektor kesihatan awam dan sektor kesihatan swasta. Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan penyumbang utama di dalam penjagaan kesihatan rakyat di Malaysia. Namun begitu, pada masa ini dana yang disalurkan untuk penjagaan kesihatan di Malaysia agak terhad (KKM, 2016). Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperkasakan penyampaian perkhidmatan kesihatan dengan mengoptimalkan sumber. Inisiatif yang dijalankan adalah dengan mengukuhkan bilangan kerjasama atau kerjasama kolaborasi kesihatan yang sedia ada.

Peruntukan Kesihatan dalam pengurusan dan pembangunan kesihatan di Malaysia pada tahun 2020 adalah sebanyak RM30.6 bilion berbanding RM31.9 bilion pada tahun 2021 dengan peningkatan sebanyak 4.3 peratus. Pandemik COVID-19 telah meningkatkan beban kewangan kerajaan bagi memastikan kesejahteraan negara. RM1 bilion diperuntukkan untuk membendung gelombang ketiga COVID-19 mengikut pecahan RM475 juta diperuntukkan kepada bahan reagen, kit saringan, dan bahan guna habis. RM318 juta disalurkan untuk Peralatan Perlindungan Diri (PPE) dan *hand sanitiser* kepada barisan hadapan, RM150 juta bagi peruntukan agensi pengurusan bencana dan RM50 juta untuk bekalan ujian makmal dan ubat-ubatan bagi memastikan fasiliti perubatan bersedia untuk amalan baru (Malaysia K. K., 2020). Kesan pandemik COVID-19 memberikan cabaran besar terhadap kesihatan dan kesejahteraan penduduk di seluruh dunia. COVID-19 memperlihatkan ketaksamaan di antara kumpulan pendapatan, gangguan mendapatkan akses kepada ubat-ubatan dan perkhidmatan kesihatan, peningkatan kapasiti

tenaga kerja dan mendedahkan jurang ketara dalam sistem maklumat kesihatan negara. Pandemik ini juga telah menimbulkan cabaran yang kritikal terhadap sistem kesihatan yang lemah dalam pengaturcaraan sumber (WHO, 2021)

1.2 Wakaf

Islam menganjurkan prinsip keadilan dalam menyusun kehidupan masyarakat. Salah satu instrumen penting dalam Islam yang berperanan sebagai pemangkin pembangunan dan ekonomi umat Islam ialah wakaf selain daripada mekanisme lain seperti zakat, infaq (sedekah) dan lain-lain. Institusi wakaf berupaya dan berpotensi digunakan oleh masyarakat Islam dalam usaha mengatasi cabaran semasa yang dihadapi untuk membentuk kehidupan dan kesejahteraan ummah. Wakaf dari segi bahasa adalah berhenti, menahan atau menegah (Ibn Manzur, 1990). Wakaf menurut istilah syarak adalah penyerahan harta sama ada secara terang (*sorih*) atau sindiran (*kinayah*). Manfaat harta yang ditahan tersebut digunakan untuk tujuan kebajikan sama ada ia berbentuk umum atau khusus. Wakaf juga menahan sesuatu harta semata-mata kerana Allah SWT dan pemberian manfaat demi kepentingan umum. Terdapat nas-nas daripada al-Quran dan hadis menekankan kepentingan amalan berwakaf dan ia merupakan satu bentuk infak yang amat digalakkan dalam Islam (Asmak, 2009). Amalan berwakaf membuka luas peluang untuk membantu golongan yang memerlukan. Wakaf merupakan pelaksanaan yang bukan hanya menekankan hubungan dengan Allah SWT, malah menjaga hubungan sesama manusia dengan menggabungkan aspek kerohanian dan kebendaan.

Wakaf memainkan peranan penting dalam menyediakan infrastruktur, pendidikan, pengibadatan, rawatan perubatan dan banyak lagi perkhidmatan penting dalam tamadun Islam. Penyertaan golongan yang berkemampuan dalam masyarakat dan umat Islam perlu ditingkatkan untuk membina kekuatan ekonomi negara. Wakaf bukan hanya mengurangkan perbelanjaan kerajaan, namun dapat melaksanakan agihan semula kekayaan (Cizakca, 1998). Terdapat potensi yang sangat tinggi untuk memaksimumkan peranan wakaf kesihatan dalam pencapaian akses sejagat kepada penjagaan kesihatan berkualiti. Malah, wakaf memainkan peranan penting dalam sektor kesihatan sebagai sumber dan sokongan kepada negara dalam berhadapan dengan penularan wabak COVID-19 kerana sifat wakaf yang kekal dan berkekalan (Cecep, 2021).

Wakaf terbahagi kepada dua jenis iaitu pewakafan berkaitan dengan wakaf keluarga dan wakaf yang bersifat kebajikan. Wakaf kebajikan mempunyai dua kategori iaitu wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am merupakan bentuk pewakafan yang dibuat untuk kebajikan umum tanpa menentukan penerima manfaat wakaf dan bukan untuk tujuan yang tertentu. Oleh itu, pewakaf tidak menentukan syarat bagi wakaf am. Wakaf khas pula adalah pewakafan yang bersifat khusus apabila pewakaf menentukan penerima dengan tujuan yang tertentu sahaja (Norizah, 2017). Terdapat wakaf kontemporari yang bersifat semasa yang perlu diketengahkan dalam membangunkan harta wakaf dan menjana dana wakaf di Malaysia. Instrumen wakaf seperti wakaf tunai menjadi alternatif kepada pembangunan harta wakaf dan meningkatkan pendanaan wakaf. Ini kerana wakaf tunai mempunyai nilai kecairan yang tinggi, mudah ditukar milik, diurus dan digunakan oleh setiap peringkat masyarakat. Ia mudah digunakan sebagai salah satu instrumen untuk berwakaf. Wakaf tunai bermaksud mengumpulkan wang tunai ke dalam sebuah tabung amanah yang ditadbir oleh pengurus atau nazir yang menguruskan wakaf tersebut untuk kebajikan dan kepentingan masyarakat. Wakaf tunai menggalakkan ibadah wakaf kerana memudahkan masyarakat untuk menyumbang dan membuat sedekah jariah dengan menggunakan pelbagai saluran. (Don, 2019).

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), MAIS telah melaksanakan wakaf tunai seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-5/2017 dengan menggunakan platform wakaf tunai seperti Wakaf Selangor Online, kaunter PWS dan LZS, skim infaq (potongan gaji), dan perbankan atas talian. (Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), 2021). MAIWP menerusi Pusat Wakaf MAIWP telah mengutip wakaf tunai sebanyak RM359,801.06 pada tahun 2020 berbanding RM873,463.80 pada tahun 2019. (Pusat Wakaf MAIWP, 2021). Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) telah menjalankan kerjasama pengurusan dana wakaf tunai dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) bagi menggalakkan penyertaan dan sumbangan wakaf tunai daripada masyarakat umum dan korporat bagi

tujuan pembangunan ummah di negeri Kedah (Wakaf Kedah Muamalat, 2021). Pelbagai cara lain juga digunakan untuk pembiayaan dan membangunkan harta wakaf seperti wakaf saham, sukuk, bank wakaf, wakaf pelaburan dan lain-lain. Penyediaan penjagaan kesihatan yang lebih baik kepada rakyat merupakan cabaran yang besar kepada sistem kesihatan awam. Terdapat kebimbangan dalam sistem penjagaan kesihatan di Malaysia untuk memenuhi keperluan populasi dengan mengambil kira perubahan demografi, sosioekonomi dan evolusi jangkitan penyakit. Isu utama yang dihadapi oleh sektor kesihatan di Malaysia adalah peningkatan kos penjagaan sistem kesihatan awam. Kajian ini membincangkan tentang penggunaan dana wakaf yang dijalankan oleh MAIN dalam aspek penjagaan kesihatan. Ini kerana wakaf memberikan sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi ummah dengan mengurangkan kebergantungan sistem kesihatan awam terhadap bantuan kerajaan. Sekaligus mengurangkan beban rakyat yang tidak mampu menampung beban kos penjagaan kesihatan yang meningkat lebih-lebih lagi ketika negara berada dalam pandemik COVID-19.

2.0 Metodologi

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan kajian kualitatif. Data dikumpulkan dari pelbagai sumber rujukan berkaitan dengan wakaf dan kesihatan. Selain itu, pengumpulan data juga melibatkan maklumat berkaitan wakaf kesihatan yang terdapat dalam laman web (*website*) Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), laman portal media sosial MAIN dan informasi media massa institusi yang berkaitan dengan wakaf. Analisis kajian yang digunakan adalah menggunakan analisis kandungan untuk melihat sejauhmana pelaksanaan wakaf kesihatan yang dijalankan oleh MAIN.

3.0 Dapatan Kajian

Kesihatan adalah keperluan masyarakat tidak mengira kaum, agama dan taraf hidup. Namun, bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah, kesihatan menjadi sesuatu yang eksklusif kerana kos yang semakin meningkat. Maka, wajarlah wakaf menjadi alternatif kesihatan yang berfungsi melalui sumbangan rakyat. Wakaf dilihat sangat relevan dalam membantu permasalahan sosioekonomi negara, terutamanya ketika pandemik COVID-19. Terdapat pelbagai sumbangan yang telah diberikan kepada masyarakat setempat oleh MAIN dalam pembangunan sosioekonomi ummah yang berkonsepkan wakaf kesihatan.

3.1 Pelaksanaan Wakaf Kesihatan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

Instrumen kewangan sosial Islam termasuk wakaf telah berperanan dalam pembangunan sosioekonomi dan pembasmian kemiskinan. Perkhidmatan ini merangkumi penjagaan kesihatan, pembangunan infrastruktur serta bantuan sosial kepada golongan miskin. Pewakaf menyumbangkan aset kepada institusi wakaf dan pemilikan harta tersebut tidak lagi menjadi pemilik pewakaf kerana hak milik harta tersebut telah menjadi milik Allah SWT. Pengurusan harta wakaf telah menjadi amanah kepada pihak pentadbir harta wakaf. Strategi dan usaha meningkatkan peranan dan integrasi institusi wakaf memberikan manfaat kepada masyarakat yang memerlukan bantuan penjagaan kesihatan. Terdapat banyak pembinaan hospital menggunakan dana wakaf ketika zaman kegemilangan Islam seperti Hospital ibn Tulun (Mesir), Hospital Marakish, Hospital Nuri, Hospital Mansuri dan sebagainya (Nowsheravi, 1983).

Wakaf kesihatan memberi ruang kepada masyarakat untuk melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing untuk menyumbang, menginfak dan mewakafkan harta, wang ringgit, masa, tenaga dan ilmu mengikut kepakaran dan kemampuan masing-masing. Institusi wakaf mempunyai potensi yang besar kepada masyarakat Islam dalam usaha untuk mengatasi cabaran semasa yang dihadapi dan membentuk kesejahteraan ummah. Wakaf mengurangkan beban rakyat yang tidak mampu menampung beban kos penjagaan kesihatan yang meningkat. Terdapat tiga organisasi utama wakaf di Malaysia iaitu Majlis Agama Islam Negeri-negeri, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Di Malaysia, urusan pentadbiran dan pengurusan wakaf telah diletakkan secara jelas dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri atau Enakmen Wakaf Negeri-negeri yang telah memperuntukkan kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri sebagai Pemegang Amanah Tunggal. Setiap negeri mempunyai undang-undang dan peraturan berkaitan wakaf di negeri masing-masing. MAIN mempunyai kuasa untuk melantik atau memberi kebenaran bertulis kepada mana-mana pihak untuk mengurus dan mentadbir apa-apa mawquf bagi pihaknya. Selain itu, mengiktiraf pelantikan mana-mana pengurus atau pentadbir dalam

keadaan di mana waqif telah melantik pengurus harta wakaf selain MAIN. Serta, mempunyai kuasa untuk menamatkan pelantikan yang telah dibuat pada bahagian pertama dan kedua. JAWHAR pula adalah pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara dapat dilaksanakan dengan baik di peringkat kebangsaan. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) yang ditubuhkan di bawah JAWHAR berperanan menggembelng sumber wakaf dan penjadi pelengkap kepada usaha MAIN dalam membangunkan wakaf di Malaysia (YWM, 2021).

Terdapat juga kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dengan institusi perbankan dan kewangan seperti Affin Islamic Bank, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Maybank Islamic Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad yang telah mengadakan usahasama strategik dana wakaf. Sinergi ini adalah bagi memperkasakan penglibatan pelbagai sektor korporat dalam aktiviti pewakafan di negara ini (myWakaf, 2021). Wakaf Muamalat merupakan inisiatif Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dalam mengutip wakaf tunai daripada orang ramai dan korporat. Dana yang dikutip akan digunakan untuk membeli atau membiayai projek-projek wakaf dan diagihkan kepada masyarakat yang memerlukan. Untuk mencapai tujuan ini, BMMB bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang berminat bagi menguruskan dana wakaf dan menentukan projek-projek wakaf yang layak. Kerjasama BMMB dengan MAIN adalah melalui penubuhan jawatankuasa pengurusan bersama yang terdiri daripada wakil kedua-dua pihak dan seorang pengerusi bebas. BMMB memulakan program wakaf tersebut pada tahun 2012 melalui pelancaran Wakaf Selangor Muamalat iaitu kerjasama BMMB dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Pada tahun 2017, BMMB menjalinkan kerjasama dengan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan. Kerjasama tersebut dinamakan Wakaf Negeri Sembilan Muamalat. Seterusnya pada tahun 2018, BMMB berkolaborasi dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan dinamakan Wakaf MAIK Muamalat. Melalui kerjasama ini, dana wakaf akan diagihkan ke projek-projek di bawah sektor pendidikan dan kesihatan. Selain itu, sebahagian dana wakaf juga dilaburkan ke projek-projek yang patuh syariah bagi tujuan membesarkan dana wakaf (BMMB, 2021).

Peringkat awal perkembangan amalan wakaf, pewakafan yang banyak dilakukan adalah pewakafan harta dalam bentuk tanah untuk tujuan keagamaan, perkuburan, sekolah dan sebagainya. Namun, ruang wakaf masih terbuka luas bagi menyediakan fasiliti kesihatan yang masih belum mencukupi seperti hospital, klinik, pusat hemodialisis, peralatan perubatan & rawatan dan pelbagai keperluan kesihatan yang lain (Mat Daud, 2021). Semua fasiliti ini sangat diperlukan untuk menjamin kemudahan perubatan yang mencukupi di negara kita. Justeru itu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai Pemegang Amanah Tunggal harta wakaf di setiap negeri memainkan peranan penting mewujudkan dana wakaf khusus untuk tujuan kesihatan. Dana wakaf yang terkumpul digunakan untuk membiayai pembelian alat-alat kesihatan untuk kebajikan masyarakat, membiayai belian ubat-ubatan untuk pesakit yang kurang berkemampuan, membiayai alatan bantuan kepada yang tidak berkemampuan dan membiayai kos perubatan yang diperlukan oleh masyarakat. Terdapat pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh MAIN antaranya:

3.1.1 Wakaf Kemudahan Hemodialisis.

Usaha yang dijalankan melalui aktiviti pewakafan ini dapat memberi rawatan yang berkualiti kepada semua pesakit tanpa mengira agama, bangsa atau keturunan. MAIN memainkan peranan dalam membangunkan pusat hemodialisis atau penyediaan mesin dialisis kepada pesakit buah pinggang. Penyakit buah pinggang merupakan antara penyakit yang memerlukan kos rawatan yang tinggi. Penyediaan alat penjagaan kesihatan seperti mesin hemodialisis ini akan membantu memberikan khidmat rawatan dialisis pada kos yang minima terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah dan golongan yang memerlukan.

Terdapat beberapa negeri yang memfokuskan dana wakaf kepada perkhidmatan hemodialisis antaranya Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang mensasarkan pembelian sepuluh unit mesin hemodialisis yang bernilai RM400,000 bagi kegunaan rawatan pesakit-pesakit dialisis di panel dialisis MAIM, hospital kerajaan dan pusat hemodialisis yang merawat pesakit yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) (MAIM, t.t). Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dengan kerjasama Bank Rakyat telah mengadakan projek khas bagi memperkasakan wakaf di negeri Terengganu untuk membina pusat

hemodialisis melalui Dana Wakaf MAIDAM-Bank Rakyat (MAIDAM, 2021). Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) melalui Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS) bekerjasama dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad, Klinik Pakar Kesihatan USIM (KPKU) dan Hospital Pakar Seremban (KPJ). Kerjasama MAINS dan BMMB yang dikenali sebagai Wakaf Negeri Sembilan Muamalat (WNSM) bertujuan untuk menguruskan dana wakaf dan memantapkan hasil kutipan wakaf tunai di Negeri Sembilan yang melibatkan aspek kesihatan dan perubatan. Pembangunan Pusat Dialisis Wakaf An-Nur di Negeri Sembilan adalah satu program amal yang dilaksanakan oleh pihak Hospital Pakar Seremban (KPJ) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Wakaf Negeri Sembilan Muamalat iaitu kerjasama pintar Bank Muamalat bersama Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan juga telah memberi sumbangan mesin dialisis kepada Klinik Pakar Kesihatan USIM (Bank Muamalat, 2019).

Wakaf Selangor Muamalat (WSM) memberikan sumbangan mesin hemodialisis kepada Pusat Perubatan UiTM Sungai Buloh bernilai RM70,000, Pusat Dialisis MAIS dan Yayasan Islam Darul Ehsan dengan jumlah keseluruhan sumbangan berjumlah RM125,981. WSM juga menyalurkan sumbangan di luar negeri Selangor seperti sumbangan mesin dialisis kepada Pusat Hemodialisis Islam Makmur, Kuantan, empat buah mesin dialisis kepada Hospital Waqaf An-Nur, Pasir Gudang yang bernilai RM178,920 dan tiga buah mesin dialisis kepada Pusat Dialisis Ar-Rahman, Bachok Kelantan dengan jumlah sumbangan RM138,330 (Bank Muamalat, 2020). Inisiatif oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) pula adalah mengusahakan pembinaan Pusat Hemodialisis Wakaf melalui dana wakaf tunai yang dinamakan sebagai "Waqaf Perak Ar-Ridzuan". Projek ini masih dalam proses pengumpulan dana wakaf (MAIPk, t.t).

Tidak ketinggalan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) turut membangunkan pusat hemodialisis untuk pesakit buah pinggang. Pusat hemodialisis yang berkonsepkan wakaf di Perlis diurus dan ditadbir secara profesional oleh Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Kangar, Perlis. Pusat hemodialisis ini dibina dengan menggunakan dana daripada wakaf tunai yang disumbangkan kepada MAIPs (Wan Mohar, W. M. D. H., Md Sin, M. A. & H., Abdul G, 2020). Ia juga dikenali sebagai Kompleks Bangunan Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Perkhidmatan Dialisis Hospital Tuanku Fauziah (HTF) Kangar. Menerusi saham wakaf Johor, Majlis Agama Islam Johor (MAINJ) mensasarkan pembelian mesin hemodialisis yang akan ditempatkan di pusat dialisis milik MAINJ, hospital-hospital kerajaan, masjid yang menjalankan operasi dialisis dan pusat hemodialisis yang dibiayai oleh MAINJ. Ini berikutan terdapat peningkatan jumlah pesakit namun jumlah mesin yang sangat terhad. Kos bagi pembiayaan mesin hemodialisis sebanyak seratus unit yang disasarkan adalah sebanyak RM4,500,000 (e-wakaf Johor, 2021)

3.1.2 Wakaf Hospital dan Klinik

Selain dari pusat hemodialisis, MAIN juga memberikan sumbangan kepada keperluan perubatan yang pelbagai iaitu pembinaan hospital dan Klinik. Di Selangor, Wakaf Selangor Muamalat menubuhkan Klinik bergerak dengan kerjasama hospital terpilih. Kenderaan diubahsuai menjadi klinik bergerak, manakala pihak hospital menyediakan petugas dan ubat-ubatan (Bank Muamalat, 2017). Terdapat kerjasama antara Majlis Agama Islam Johor dengan Johor Corporation (JCorp) dan Waqaf An-Nur Corporation (WANCorp) menerusi KPJ Healthcare Berhad dalam menyediakan tapak Hospital Wakaf An-Nur, Pasir Gudang dan perkhidmatan di Klinik Waqaf An-Nur sekitar negeri Johor (Norizah, 2017).

Manakala, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dengan kerjasama Klinik Al-Amin di Kuantan menyediakan perkhidmatan kesihatan alternatif kepada umat Islam yang mementingkan penjagaan kesihatan berteraskan ciri-ciri etika perubatan Islam (MUIP, t.t.). Di Pulau Pinang, KPJ Healthcare Berhad dengan kerjasama Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) telah membangunkan Klinik Wakaf An-Nur bagi memberikan khidmat rawatan perubatan terbaik setaraf dengan institusi perubatan yang lain untuk golongan yang kurang berkemampuan (MAINPP, 2019). Terdapat juga sumbangan kepada kemudahan hospital yang sedia ada iaitu Surau Ibnu Sina dan Anjung Kasih di Hospital Putrajaya melalui dana wakaf di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Anjung Kasih

berfungsi sebagai rumah penginapan sementara untuk waris pesakit yang mendapatkan rawatan. Dengan wujudnya kemudahan hospital dan klinik ini sedikit sebanyak dapat membantu keperluan perubatan masyarakat (MAIWP, 2020).

3.1.3 Wakaf Keperluan Kebajikan Warga Emas dan Autisme

Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) membangunkan Wad Pesakit Terlantar Darul Hanan menggunakan dana wakaf bagi memberikan perkhidmatan perlindungan dan penjagaan warga emas yang diwujudkan di Rumah Kebajikan Darul Hanan, Pongsu Seribu, Kepala Batas. Wad ini mempunyai kapasiti kemudahan 30 katil dengan memperuntukkan 15 katil untuk warga emas golongan asnaf, manakala selebihnya untuk kategori warga emas yang mampu membayar perkhidmatan bagi menampung kos operasi jagaan (MAINPP, 2021).

Manakala, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dengan kerjasama Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) Perlis dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dalam usaha membangunkan Pusat Autisme Negeri Perlis yang dikenali sebagai 'A-Heart'. Objektif Pusat Autisme Negeri Perlis ini adalah bertujuan bagi mewujudkan sebuah pusat penjagaan dan pendidikan harian khusus kepada golongan anak-anak istimewa autisme bagi memastikan perkembangan menyeluruh golongan istimewa ini melalui pendekatan terapi, kurikulum pendidikan dan latihan berasaskan pekerjaan yang diperlukan oleh warga komuniti (MAIPs, t.t.).

3.1.4 Wakaf Peralatan Perubatan dan Rawatan

Pemberian wakaf peralatan perubatan melalui dana wakaf kesihatan dan am telah dijalankan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Pelbagai peralatan perubatan yang disumbangkan seperti mesin *ultrasound*, mesin kardiogram, mesin pemeriksaan tanda vital bagi pesakit *neonate*, katil pesakit, mesin penyedut mukus, kerusi roda, dan kerusi menunggu pesakit (MAIK, 2019). Peralatan-peralatan yang disediakan ini sama ada diserahkan kepada individu yang memerlukan atau kepada pihak hospital atau klinik di Kelantan. Selain itu, Wakaf Kedah Muamalat yang merupakan inisiatif Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) mengumpulkan wakaf tunai daripada orang ramai dan korporat untuk membiayai projek di bawah sektor kesihatan (WKM, 2021).

Melalui dana wakaf Wakaf Selangor Muamalat (WSM) iaitu kerjasama Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah menyumbangkan *drip stand*, *oxygen concentrator*, *syringe pump*, dan mesin *professional powerheart* kepada Hospital Klang. Pada 2017, sumbangan tiga buah mesin monitor pesakit telah diberikan kepada St John Ambulans Malaysia Kawasan Pantai Selangor dan sebuah mesin ultrabunyi kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor. Keseluruhan sumbangan berjumlah RM125,981. Sebuah mesin mengesan batu karang yang berharga RM125,120 dan sepuluh unit *reclining chair* bernilai RM16,920 disumbangkan kepada Hospital Serdang melalui dana wakaf tunai yang dikumpul (Bank Muamalat, 2020). Wakaf Selangor Muamalat juga menyumbang sebuah ultrabunyi kepada Hospital Universiti Sains Malaysia serta sebuah kerusi pergigian kepada Pusat Kesihatan UKM yang bernilai RM99,000. Selain itu, sebuah tangki simpanan nitrogen disumbangkan kepada Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia bernilai RM99,600. Selain itu, Wakaf Negeri Sembilan Muamalat (WNSM) juga memberikan sumbangan peralatan perubatan kepada Pusat Pakar Kesihatan USIM (Wakaf Muamalat, 2021)

3.1.5 Wakaf Peralatan Rawatan COVID-19

Wakaf Selangor Muamalat telah memberi sumbangan berjumlah RM369,200 kepada lapan belas buah hospital terpilih di Malaysia. Sumbangan tersebut merangkumi mesin *syringe pump*, topeng muka N95 dan set peralatan perlindungan diri (PPE) untuk dimanfaatkan petugas barisan hadapan kesihatan dalam menangani penularan wabak Covid-19 (Bank Muamalat, 2020). Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) juga menyalurkan sumbangan bantuan peralatan seperti 55 unit kerusi roda dan 10 unit '*ripple mattress*' yang diserahkan kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Tanjong Karang, Hospital Tengku

Ampuan Jemaah Sabak Bernam dan Hospital Kuala Kubu Bharu. Manakala, MAIK pula telah menyediakan dua unit *High Flow Oxygen Therapy Humidifier* (HNFC) untuk kegunaan Hospital Raja Zainab II (HRPZ II) untuk merawat pesakit COVID-19 (Rosliza, 2021).

Peralatan perubatan seperti *patient trolley*, *oxygen concentrator* dan *oxygen regulator* daripada dana wakaf Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (WMAINS) dan dana wakaf Negeri Sembilan Muamalat (WNSM) telah disumbangkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNS) dan diagihkan kepada empat buah hospital iaitu Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Hospital Tampin, Hospital Jelebu dan Hospital Jempol. Peralatan ini bertujuan untuk melancarkan tugas kakitangan kesihatan dalam merawat pesakit COVID-19 di Negeri Sembilan (Berita Harian, 2021). Selain itu, untuk rawatan COVID-19, manfaat wakaf tunai daripada MAINS yang berjumlah RM34,750 dan wakaf tunai berjumlah RM81,500 daripada WNSM berjumlah RM81,500 telah disalurkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (MAINS, 2021).

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pula menyumbangkan kerusi roda kepada Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Kompleks Jubli Perak Sultan Ismail Petra (KIJP) serta peralatan perubatan yang lain. Pelbagai bentuk wakaf kesihatan telah diwujudkan oleh MAIN sama ada hospital, klinik, peralatan perubatan dan kesihatan yang lain. Namun, terdapat negeri-negeri yang tidak menjelaskan secara khusus aktiviti atau projek wakaf kesihatan yang dijalankan melalui agihan wakaf. Jadual 1 menunjukkan ringkasan projek-projek wakaf kesihatan di Malaysia yang telah dijalankan atau masih dalam proses oleh MAIN.

Jadual 1: Projek Wakaf Kesihatan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

MAIN	JENIS/BENTUK WAKAF	PROJEK WAKAF KESIHATAN
Johor	Saham Wakaf Johor	Pembelian Mesin Hemodialisis
Melaka	Wakaf Tunai Perubatan	Pembelian Mesin Hemodialisis
Negeri Sembilan	Wakaf Tunai	<ul style="list-style-type: none"> Klinik dan Pusat Dialisis Wakaf An-Nur Mesin Hemodialisis Peralatan Perubatan Bantuan Peralatan Rawatan COVID-19
Kuala Lumpur	Wakaf Tunai	<ul style="list-style-type: none"> Sumbangan kepada Surau Ibnu Sina dan Anjung Kasih, Hospital Putrajaya Manfaat keperluan kesihatan
Selangor	Wakaf Tunai	<ul style="list-style-type: none"> Klinik Bergerak Wakaf Selangor Muamalat Peralatan perubatan: Mesin Dialisis, mesin <i>oksigen concentrator</i>, mesin monitor pesakit, mesin ultrabunyi, mesin mengesan batu karang, kerusi roda, katil, drip stand, <i>oxygen concentrator</i>, <i>syringe pump</i>, mesin <i>professional powerheart</i>, Tangki Simpanan Nitrogen, kerusi pergigian. Bantuan Peralatan Rawatan COVID-19
Perak	Waqaf Perak Ar-Ridzuan (Wakaf Tunai)	Pusat Hemodialisis
Kelantan	Waqaf Kesihatan dan Am (Wakaf Tunai)	<ul style="list-style-type: none"> Peralatan Perubatan: Mesin ultrasound, mesin kardiokografi, mesin pemeriksaan tanda vital bagi pesakit neonate, katil pesakit, mesin penyedut mukus, kerusi roda, dan kerusi menunggu pesakit Bantuan Peralatan Perubatan COVID-19

Terengganu	Dana Wakaf MAIDAM-Bank Rakyat	Pusat Hemodialisis
Pahang	Wakaf Tunai	Klinik al-Amin Kuantan
Kedah	Skim Dana Wakaf Tunai	Projek sektor kesihatan
Perlis	Skim Wakaf Tunai	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Autisme Negeri Perlis • Kompleks Bangunan Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Perkhidmatan Dialisis Hospital Tuanku Fauziah (HTF) Kangar.
Sabah	Wakaf Am	Bantuan umum kesihatan
Sarawak	Skim Wakaf	Bantuan umum kesihatan
Pulau Pinang	Dana Wakaf Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> • Klinik Waqaf An-Nur di Pulau Pinang • Wad Pesakit Terlantar Darul Hanan

Sumber: Laman web Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), 2021

4.0 Kesimpulan

Wakaf perlu dilihat dengan skop yang lebih luas seperti wakaf pendidikan, wakaf tunai, wakaf korporat, wakaf kesihatan dan lain-lain. Tidak hanya melihat dan memahami wakaf dalam skop yang sempit. Wakaf kesihatan memberikan sumbangan yang signifikan kepada negara. Terdapat pelbagai sumbangan yang telah dijalankan oleh MAIN dalam pembangunan sosioekonomi ummah yang bersifat wakaf kesihatan. Bentuk pewakafan kesihatan oleh MAIN adalah seperti pembinaan klinik, pusat hemodialisis, sumbangan peralatan, ubat-ubatan, perkhidmatan rawatan kesihatan dan lain-lain. Amalan wakaf mengurangkan kebergantungan kepada pihak kerajaan dalam membiayai rawatan penjagaan kesihatan. Alternatif menubuhkan pusat hemodialisis oleh MAIN melalui kaedah wakaf mengurangkan beban kewangan bagi pesakit golongan asnaf. Ini kerana rawatan hemodialisis memerlukan belanja yang tinggi oleh para pesakit.

Sistem kesihatan awam yang semakin mencabar ketika pandemik COVID-19 menyebabkan hospital kekurangan peralatan seperti katil, alat bantuan pernafasan, set peralatan perlindungan diri, dan lain-lain untuk kegunaan pesakit dan petugas hadapan di pusat kesihatan. Oleh itu, MAIN melengkapkan kekurangan ini dengan menjalankan wakaf kesihatan. Walaupun terdapat klinik dan hospital yang dibina oleh pihak kerajaan dan swasta, namun MAIN turut berperanan menyediakan perkhidmatan kesihatan dengan kos yang minimum dan dapat membantu golongan fakir miskin tanpa mengira etnik dan agama di Malaysia. Penggunaan dana wakaf juga digunakan untuk membantu penjagaan kesihatan sedia ada dengan membina pusat perubatan, hospital dan klinik serta pembelian peralatan perubatan. Namun, usaha ini memerlukan Kerjasama daripada semua pihak kerana pembangunan ini memerlukan kos yang tinggi. Terdapat perancangan yang telah disusun oleh MAIN tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana masih kekurangan dana terkumpul. Oleh itu, kerjasama strategik pihak MAIN dengan institusi perbankan dan kewangan serta sektor korporat sangat membantu usaha MAIN dalam mendapatkan dana.

Pentadbiran wakaf yang baik di peringkat negara, negeri dengan kerjasama daripada masyarakat amat diperlukan bagi memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan kesedaran berkaitan wakaf kesihatan di Malaysia. Untuk memastikan kemampanan dan kelestarian penjagaan kesihatan negara untuk jangka masa panjang, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan mekanisme pembiayaan penjagaan kesihatan awam di Malaysia dengan menggunakan dana wakaf. Majlis Agama Islam Negeri perlu lebih aktif memainkan peranan dalam memartabatkan amalan wakaf dalam kalangan masyarakat di Malaysia dengan ketersediaan, *visibility* dan ketelusan dalam pentadbiran wakaf di Malaysia. Ini penting bagi menarik minat masyarakat dalam berwakaf.

Bagi mengembangkan potensi wakaf kesihatan di Malaysia, kolaborasi antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dengan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) diperingkat kebangsaan perlu digiatkan untuk menyumbang kepada kelestarian wakaf di Malaysia. Pihak MAIN juga perlu bekerjasama dengan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan mengambil kira peranan yang dimainkan oleh NGO dalam merencanakan aktiviti kesukarelawan dan institusi kewangan Islam untuk mempelbagaikan sumber dan platform kutipan wakaf. MAIN perlu mengambil inisiatif memperkenalkan wakaf yang bersifat kontemporari dengan menggunakan sebaran di media cetak dan elektronik. Penggunaan media sosial perlu dimaksimumkan untuk memperoleh cakupan maklumat yang lebih luas. Selain itu, ilmu berkaitan amalan wakaf perlu ditingkatkan dalam kalangan masyarakat. Pembudayaan wakaf hanya dapat direalisasikan oleh masyarakat jika terdapat ilmu dan pengetahuan tentang wakaf dan kepentingan berwakaf dalam masyarakat di Malaysia.

Rujukan

- Asmak, A. R. (2009). Pelaksanaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 113-152.
- Berita Harian*. (25 Julai, 2021). Bahan diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/147607/EDISI/MAINS-sumbang-peralatan-perubahan-kepada-JKN>
- BMMB. (25 Julai, 2021). *Wakaf Muamalat*. Bahan diakses daripada <https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/Organisasi.html>
- Bank Muamalat. (2020). *Berita Wakaf*. <https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/Berita-Wakaf/2020/sumbangan-wakaf-selangor-muamalat-untuk-membendung-pandemik-covid-19.html>
- Cecep, S. K. (2021). Meningkatkan Peranan Wakaf Kesihatan dalam Menghadapi Wabak COVID-19. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 157-177.
- Cizakca, M. (1998). Awqaf and it's Implication for Modern Islamic Economics. *Islamic Economic Studies*, 44-47.
- Ibn Manzur, M. I. (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadr.
- Don, M. A. (2019). Teori Wakaf, Kepelbagaian dan Contoh Amalan di Malaysia. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (MALIM)*, 21-39.
- e-wakaf Johor*. (20 Julai, 2021). Bahan diakses daripada http://www.e-wakafjohor.gov.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=80
- MAIDAM. (10 Ogos, 2021). *Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu*. Bahan diakses daripada <http://www.maidam.gov.my/index.php/en/wakaf-maidam-bank-rakyat-pusat-hemodialisis>
- MAINS. (15 Ogos, 2021). *Bahan diakses daripada https://mains.gov.my/v1/*
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). (2019). *Majlis Penyerahan Peralatan Wakaf Kesihatan MAIK*. <https://www.e-maik.my/v2/index.php/ms/arkib/berita-artikel/berita-2019/1104-majlis-penyerahan-peralatan-wakaf-kesihatan-maik.html>
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). *Wakaf Tunai Manfaat Am*. https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=1456&lang=ms
- Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk). *Wakaf bagi Pembinaan Pusat Hemodialisis Wakaf*. <https://wakafperak.maiamp.gov.my/v1/index.php/projek-wpar/kesihatan/181-pw148>
- Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk). *Wakaf Perak Ar-Ridzuan*. <https://wakafperak.maiamp.gov.my/v1/index.php/info-wpar/2016-03-03-01-33-07>
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *Wakaf dan Sumber Am*. <http://www.maidam.gov.my/index.php/en/47-wakaf-dan-sumber-am>
- Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). (2003). *Klinik Dan Pusat Dialisis Wakaf An-Nur*. <https://www.mains.gov.my/v1/wakaf/perkhidmatan-wakaf/an-nur>
- Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP). (2019). *Klinik Waqaf An-Nur Pulau Pinang Kini Dibuka Secara Rasmi*. <https://www.mainpp.gov.my/aktiviti/aktiviti-mainpp/kategori-aktiviti-2019/421-klinik-waqaf-an-nur-pulau-pinang-kini-dibuka-secara-rasmi>

- Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP). (2021). *Majlis Perasmian Wad Pesakit Terlantar Darul Hanan*. <https://mainpp.gov.my/aktiviti/aktiviti-mainpp/kategori-aktiviti-2021/478-majlis-perasmian-wad-pesakit-terlantar-darul-hanan>
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). (2020). *Sektor Wakaf Diperkasakan*. <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/berita-maiwp/577-sektor-wakaf-diperkasakan>.
- Majlis Islam Sarawak, Tabung Baitulmal Sarawak. *Wakaf*. <https://www.tbs.org.my/www/?page=81>
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). *Dana Wakaf Pahang*. <https://ewakaf.muip.gov.my/portal/index.php/pengenalan-wakaf/saham-wakaf-pahang/pengenalan-saham-wakaf-pahang>
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). *Pembangunan Wakaf Oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang*. <http://www.muip.gov.my/v4/baitulmal/wakaf/dana-wakaf-pahang/>
- Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). *Bahagian Wakaf Dan Baitulmal*. <https://muis.sabah.gov.my/node/8>
- Malaysia, K. K. (2011). *Pelan Strategik 2011-2015*. Putrajaya: Kemeterian Kesihatan Malaysia.
- Malaysia, K. K. (2020). *Ringkasan Belanjawan 2021*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia .
- Mat Daud, M. H. (2021, Januari 8). Wakaf diiktiraf amalan sedekah kelas pertama. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2021/01/773782/wakaf-diiktiraf-amalan-sedekah-kelas-pertama>
- Mazlan, C. S. (2019). Insurans Kesihatan Sosial di Malaysia: Ekuiti dan Akses. *Journal of Administration Science*, 93-117.
- Ministry of Health Malaysia. (2020). *Strategic Framework of the Medical Programme Ministry of Health Malaysia (2021-2025)*. Putrajaya: Hospital Management Unit Medical Development Ministry of Health Malaysia.
- KKM. (2016). *Pelan Strategik KKM 2016-2020*. Putrajaya: Bahagian Perancangan KKM.
- MOH. (2019). *Petunjuk Kesihatan 2019*. Putrajaya: KKM.
- Mohamed, R. (2021, Jun 2). Maik salur RM9.78 juta kepada rakyat terkesan. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/maik-salur-rm9-78-juta-kepada-rakyat-terkesan/>.
- Norizah, M. @. (2017). *Wakaf Kesihatan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nowsheravi, A. R. (1983). Muslim Hospital in Medieval Period. *Islamic Studies*, 556-57.
- Perbadanan Islam Johor. *Projek Khas: Kompleks Perubatan Pakar*. <https://www.pij.gov.my/aktiviti/tabung-waqaf-rakyat-johor/>
- Pusat Wakaf MAIWP. (25 Jun 2021). Bahan diakses daripada <https://wakafwilayah.org/>
- PWS (20 Julai, 2021) Bahan diakses daripada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS): <http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/wakaf/produk-wakaf/wakaf-tunai>
- Riyati Ahmad & Junaidah Hasan. (2016). Public Health Expenditure, Governance and Health Outcomes in Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 29-40
- Wan Mohar, W. M. D. H., Md Sin, M. A. & H., Abdul G. (2020, September) *Mengukur Tahap Keberkesanan Wakaf Tunai Bagi Projek Pembangunan Wakaf Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs): Pusat Perkhidmatan Hemodialisis*. Seminar Kewangan Islam Kebangsaan (e-SKIK 2020) pada September 2020 di Kedah, Malaysia
- Wakaf Kedah Muamalat. (20 Julai, 2021). Bahan diakses daripada <https://wakafkedahmuamalat.gov.my/maikedahhomepage/index.aspx>
- WKM. (10 Ogos, 2021). *Wakaf Kedah Muamalat*. Bahan diakses daripada <https://wakafkedahmuamalat.gov.my/maikedahhomepage/index.aspx>
- Yayasan Wakaf Malaysia. *Wakaf di Malaysia*. <https://www.ywm.gov.my/pengenalan-wakaf#wakaf-di-malaysia>
- YWM. (26 Ogos, 2021). *Yayasan Waqaf Malaysia*. Bahan diakses daripada <https://www.ywm.gov.my/pengenalan-wakaf>
- UN. (2021, Julai 20). *United Nations, Department Economic and Sosial Affair*. Bahan diakses daripada, <https://sdgs.un.org/goals/goal3>

WHO (2021, Julai 20).Bahan diakses daripada World Health Organization: <https://www.who.int/data>